JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

31 Ogos 2020

1. Lelaki aniaya kambing dikesan

OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYS

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 31 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	**Kosmo**	Catatan:
Ruangan	**Negara**	
M/Surat	**12**	
Perkara	**Kebajikan Haiwan**	

Lelaki aniaya kambing dikesan

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Orang ramai mengecam tindakan seorang lelaki yang memberikan minuman keras kepada seekor kambing yang videonya tular di laman Facebook Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia) sejak kelmarin.

Video tersebut telah ditonton lebih 42,000 kali dan telah dikongsi 669 pengguna Facebook selain mengundang kemarahan netizen.

Animal Malaysia menerusi hantaran di Facebook memaklumkan kejadian itu dipercayai berlaku di negara ini berdasarkan keadaan sekeliling tempat kejadian.

"Kepercayaan ini berdasarkan bahasa Tamil yang digunakan dalam percakapan, kereta dan keadaan sekeliling bercirikan negara ini.

"Paling ketara panggilan 'Hey Kambing' oleh salah seorang individu dalam video itu. Ia dianggap satu penganiayaan," tegasnya.

Pemilik akaun Facebook bernama Ragavan Gopalan mengecam perbuatan tersebut dan menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan segera.

"Manusia yang tiada akal fikiran. Polis harus ambil tindakan segera," ujarnya.



TANGKAP layar daripada sebuah video memaparkan perbuatan seorang lelaki memberi minuman keras kepada seekor kambing.